



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

WARGA WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DIRAIKAN DI MAJLIS RUMAH TERBUKA AIDILFITRI 2015M/1436H

KUALA LUMPUR, 4 Ogos 2015 - Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menganjurkan Rumah Terbuka Aidilfitri bersama warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi tahun 2015 M/1436H di Dataran DBKL, Kuala Lumpur. YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan dan YBhg. Datin Seri Utama Datuk Anggraini Sentiyaki turut sama memeriahkan majlis dan beramah mesra dengan warga WP KL.

2. Rumah Terbuka Aidilfitri ini merupakan program yang berkonsepkan mesra rakyat bersama komuniti serta warga Wilayah Persekutuan sempena memeriahkan sambutan Hari Raya Aidilfitri di bulan Syawal tahun ini. Majlis ini juga merupakan salah satu program yang dapat mengeratkan silaturrahim serta *engagement* pihak kementerian dan DBKL bersama warga kota, NGO's, persatuan-persatuan penduduk, badan-badan korporat dan warga DBKL khususnya. Di samping itu, ianya juga merupakan acara tahunan yang bertujuan untuk mendekatkan pemimpin dengan rakyat dalam konsep yang santai.

3. Penganjuran Rumah Terbuka Aidilfitri ini juga akan dapat memperkukuhkan lagi interaksi dan memberi pendekatan yang lebih mesra antara semua pihak. Selain itu juga penerapan nilai rasa kasih sayang dapat dibina dan dipupuk di kalangan warga kota bagi melambangkan warga masyarakat Wilayah Persekutuan yang harmoni,

prihatin, maju dan sejahtera. Semangat muhibah antara masyarakat dan perkongsian mesra rakyat antara pemimpin dengan warga WP Kuala Lumpur dapat diwujudkan.

4. Penyediaan juadah Aidilfitri kepada warga kota bagi Rumah Terbuka Aidilfitri Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ini juga turut melibatkan kerjasama rakan strategik dari badan-badan korporat. Penglibatan organisasi korporat ini merupakan salah satu inisiatif *Corporate Social Responsibility* (CSR) dalam program-program komuniti yang dianjurkan oleh Kementerian. Ia secara tidak langsung dapat meningkatkan reputasi dan nama baik organisasi di kalangan orang ramai. Pada tahun ini, JL99 GROUP menyumbangkan durian *musang king*, mee hoon sup utara, ketupat palas dan rendang. Manakala Amona Group Of Companies turut menyediakan 10 ekor kambing golek sebagai juadah istimewa rumah terbuka Aidilfitri kali ini. Pihak CRSC Group Property Sdn. Bhd pula menghidangkan ayam goreng berempah dan syarikat Danau Lumayan turut menyediakan buah-buahan tempatan kepada warga kota.

5. Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri yang diadakan ini dapat mencetuskan semangat muhibah dan persaudaraan antara masyarakat, pemimpin dan semua pihak serta melahirkan kesyukuran kepada ALLAH s.w.t terhadap nikmatnya. Adalah diharapkan melalui penganjuran Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri ini akan memberi ruang dalam penglibatan rakyat secara umum serta memberi peluang kepada warga kota untuk menyertai setiap aktiviti dan program yang dianjurkan oleh Kementerian dan DBKL.

Disediakan oleh:

**BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR
4 Ogos 2015**